

Adat Perkahwinan Melayu-Deli, dilakukan dalam lapan peringkat iaitu merisik dan Penghulu Telangkai, jamu sukut, meminang, ikat janji, akad nikah, berinai, berandam, mandi berhias dan bersanding. Merisik dilakukan oleh beberapa orang tua yang rapat dengan keluarga gadis. Penghulu Telangkai dilantik untuk menguruskan hal yang berkaitan dengan perkahwinan sehingga mempelai dinikahkan.

Apabila pihak gadis menerima kepastian peminangan daripada Penghulu Telangkai puang-puang, iaitu sanak-saudara dan orang semenda akan diundang ke satu majlis kenduri. Berita tentang peminangan daripada pihak lelaki akan dimaklumkan oleh orang tua gadis. Segala pekerjaan peminangan akan diatur dan diselenggarakan oleh sanak-saudara dan orang semenda.

Wang ikat janji atau hantaran berbeza-beza mengikut kedudukan mereka dalam masyarakat. Selain itu terdapat juga wang hangus, sebagai ikat tanda biasanya cincin atau rantai. Pada hari pernikahan masih ada lagi wang palang pintu dan wang buka kipas atau syarat yang dikenakan.

Dalam majlis akad nikah pengantin lelaki memakai pakaian haji, berserban dan berjubah. Sebahagian wang hantaran yang dibungkus dengan kain tujuh lapis beraneka warna dibawa bersama-sama.

Kelengkapan lain yang harus dibawa oleh pengantin lelaki ialah segulung tilam lengkap dan tanda yang diterima sewaktu ikat janji, kemudian akan dikembalikannya apabila akad nikah selesai. Pada malam sebelum akad nikah, upacara berinai jari dilakukan. Berinai tengahan dilakukan di atas pelamin di rumah masing-masing. Berandam diadakan di rumah pengantin perempuan. Pada petang harinya pengantin perempuan melakukan acara mandi berhias dengan menggunakan air wangi-wangian dan berasah gigi.

Dalam majlis persandingan pengantin perempuan diapit oleh gadis-gadis kecil yang disebut Gading-gading Mak Andam. Dalam majlis ini pengantin lelaki memakai destar, menggenggam sirih dan diapit oleh

bujang-bujang kecil dan mak andam. Kedua-dua pengantin akan menggenggam sirih.

Dalam majlis persandingan ini pengantin lelaki membawa peralatan seperti payung, tepak penyokong, pembawa sirih pengantin, sisa wang mahar, wang palang pintu dan wang pembuka kipas dalam uncang kuning. Ketibaan rombongan pengantin lelaki disambut dengan pencak silat. Sewaktu menaiki rumah biasanya pengantin lelaki dihalang dan perlu membayar wang palang pintu. Di pelamin juga pengantin lelaki perlu membayar wang buka kipas, kadangkala sebanyak 1/8 daripada wang mahar. Sirih yang dalam genggam pengantin akan bertukar tangan, diikuti dengan adat menepung tawar.

x 10 sm. Ukurannya bergantung kepada nada bunyi yang dikehendaki. Di bahagian tengah kepingan besi itu terdapat satu bonggol yang menjadi objek ketukan. Kesemua mangkuk logam disusun dalam dua baris selari atas regangan tali pada kotak-kotak kayu. Susunannya berdasarkan susunan bunyi, pada baris atas ialah 6, 5, 3, 2, 1 dan baris bawahnya pula 1, 2, 3, 5, 6. Bonang dimainkan dengan mengetuk mangkuk logam menggunakan dua alat pemukul secara serentak.

Bangsawan, satu corak teater gaya opera, tetapi unik kepada Malaysia dan Indonesia. Bangsawan menggunakan dialog yang pada siku-siku tertentu diolah cara



Bonang: Salah satu alat muzik gamelan.

Bonang ialah alat muzik gamelan dikenali juga dengan nama kero-mong. Ada tiga jenis bonang iaitu bonang perembung, barung dan penerus. Bonang berbentuk seperti mangkuk logam perunggu yang diterbalikkan dan hampir menyerupai gong tetapi ukurannya lebih kecil. Bonang mengandungi 10 hingga 14 biji mangkuk logam yang diperbuat daripada besi yang berukuran 30 sm

lagu atau puisi dan mengamalkan gaya berlakon yang membawa stail penonjolan gerak-geri. Kesan keseluruhan daripada teaternya adalah berunsurkan melodrama. Bangsawan sebagai teater tradisi tidak menggunakan penskripan. Dengan berpandukan hanya kepada satu ringkasan cerita, pelakon-pelakon bangsawan dikehendaki menokok-tambah secara spontan atau membaiki dialog sambil



Bangsawan: Dengan berpanduan kepada satu ringkasan cerita, pelakon-pelakon bangsawan dikehendaki menokok tambah secara spontan.

berlatih atau berlakon. Bangsawan mementingkan sistem set tirai dalam penggunaan latar kepada sesuatu adegan atau babak. Sistem set tirai dalam bangsawan sangat sesuai kepada corak teaternya yang berbentuk prosinum yang memberi kesan persembahan dalam bingkai yang memberi kesan seperti bingkai gambar. Bangsawan mempunyai repertoir cerita yang khusus dengan mengutamakan kisah raja-raja zaman silam, sama ada dari dunia atau kayangan. Tumpuan cerita biasanya adalah kepada kegemilangan atau kedurjanaan zaman tertentu itu. Rakyat jelata pula terdiri daripada pahlawan handalan, putera-puteri yang cantik, hamba sahaya yang bodoh atau lucu, dan watak jahat yang terdiri daripada golongan jin, raksasa atau manusia. Bangsawan mempunyai gaya berlakon yang sesuai dengan pemilihan repertoir ceritanya. Gaya keseluruhan persembahan bangsawan sangat melodramatik, iaitu peng gayaan gerak-geri dan unsur pandangan yang hebat, umpamanya gerak-geri suka dilebihkan sementara kostum dan set tirai dan set prop dilukis dengan in-

Bangsawan hanya mulai mengalami persaingan sebagai industri hiburan apabila muncul industri perfileman sekitar tahun 1930-an apabila ramai tokoh bangsawan tempatan bekerja dengannya

dah. Dialog diolah supaya jelas menunjukkan perbezaan kedudukan antara golongan raja dengan rakyat. Raja perlu menggunakan bahasa istana, yang sangat kontras dengan bahasa rakyat jelata. Bangsawan berkembang setelah jatuhnya kumpulan wayang berbahasa Hindi di Pulau Pinang sekitar tahun 1870-an. Mohammad Pusi, hartawan dari Pu-

lau Pinang telah menubuhkan kumpulan wayangnya sendiri bernama "Pushi Indera Bangsawan of Penang". Bangsawan ini mula membuat persembahan pertamanya sekitar awal tahun 1880-an dengan menggunakan bahasa Melayu. Setelah itu beberapa kumpulan telah dibentuk. Sekitar tahun 1920-an nama bangsawan mulai ditukar oleh beberapa kumpulan kepada nama opera, contohnya seperti Grand Opera, Indera Mahkota Opera, Rose Opera, Wayang Opera dan Indera Bangsawan Opera. Perkataan opera yang menggantikan bangsawan itu mungkin hasil daripada meluasnya pendidikan bahasa Inggeris di kalangan masyarakat tempatan. Bangsawan hanya mulai mengalami persaingan sebagai industri hiburan apabila muncul industri perfileman sekitar tahun 1930-an apabila ramai tokoh bangsawan tempatan bekerja dengannya. Peperangan Dunia Kedua awal 1940-an dan zaman darurat 1950-an juga turut menenggelamkan industri bangsawan. Kini hanya ada beberapa kumpulan bangsawan yang masih bergiat.

Unit Ensiklopedia